

**Dialog Pakatan-BN: KJ dakwa Anwar terdesak**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 30 , 2013**  
**OLEH DIYANA IBRAHIM**

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (gambar) menyifatkan hasrat Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengadakan pertemuan bagi memulakan rundingan menyelesaikan permasalahan rakyat dengan Barisan Nasional (BN) adalah tindakan terdesak.

Menteri Belia dan Sukan itu berkata, Anwar mengambil tindakan itu selepas Pakatan Rakyat (PR) kalah dalam hampir semua petisyen pilihan raya di seluruh negara.

"Dialog rundingan ini lama ditawarkan oleh perdana menteri kita namun mereka mengendahkan dan tetap berdegil untuk meneruskan dengan memfailkan petisyen bagi keputusan pilihan raya di mahkamah.

"Apabila mahkamah menolak mereka teruskan dengan perhimpunan bodoh jadi inilah yang dilakukan seolah-olah beliau pula yang menyatukan rundingan ini," katanya dalam satu sidang media semasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. - 30 Ogos, 2013.

Bagaimanapun Khairy menegaskan BN tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan pembangkang dalam menjayakan dialog tersebut.

"Kita sentiasa terbuka kerana inilah yang menjadi seruan perdana menteri selepas pilihan raya untuk bekerjasama walaupun sebelum ini seruan Najib hanya disambut dingin.

"Kalau nak adakan rundingan dialog ini perlu ada keikhlasan tapi setakat yang saya lihat sekarang apabila beliau kalah dalam keputusan pilihan raya tidak mempunyai cara lain barulah nak memulakan dialog ini," katanya.

Anwar hari ini dalam perutusan sempena Hari Kemerdekaan negara ke-56 menyatakan kesediaan untuk bertemu dengan kerajaan bagi menyelesaikan masalah negara.

Anwar turut menggesa pertemuan segera diadakan antara PR dan BN.

"Titik pertemuan BN dan PR perlu segera dicari bagi menyelamatkan negara di samping menyeru melupakan kesalahan masing-masing sempena hari kemerdekaan negara esok," katanya dalam satu sidang media di Ibu Pejabat PKR di Petaling Jaya.

Ketua Umum PKR itu berkata, meskipun PR mendapat undi majoriti rakyat, namun mereka bersedia melupakan ketegangan dan penyelewengan yang dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semasa pilihan raya 5 Mei lalu.

Beliau berkata, antara topik yang boleh dibincangkan bersama ialah membabitkan isu kaum dan agama yang mencetuskan ketegangan akhir-akhir ini; masalah ekonomi negara yang semakin merudum dan masalah jenayah yang semakin membimbangkan rakyat di seluruh negara.

"Datuk Seri Najib Razak harus terbuka untuk berbincang kerana banyak dasar dan program yang boleh disepakati bersama. Pendekatan PR untuk mengajak BN berbincang bukan bagi

membentuk sebuah kerajaan perpaduan tetapi perbincangan terbuka yang biasa diamalkan kerajaan demokrasi.

"Kami mahu perubahan yang adil bagi memastikan negara mengamalkan prinsip demokrasi. Ini kerana pendedahan Fitch Ratings baru-baru ini perlu dipandang serius oleh kerajaan kerana kira-kira RM20 billion setahun dapat dijimatkan jika urus tadbir ekonomi negara dilakukan dengan cara yang baik," katanya. - 30 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dialog-pakatan-bn-kj-dakwa-anwar-ter-desak>